



"SEMBAHYANG fardu lima waktu, Sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya dan Ramadan ke Ramadan berikutnya menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan di antara masa tersebut seandainya dosa-dosa besar dijauhkannya".
- Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam, riwayat Muslim dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu.

Syukuri nikmat di bulan Syawal

GADONG, Jumaat, 19 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam pagi tadi menganjurkan Ceramah Khas : Meraikan Kemenangan Syawal bertempat di Auditorium universiti berkenaan di sini.
Antara tujuan Ceramah Khas tersebut diadakan adalah untuk meraikan kemenangan umat Islam dalam 'peperangan' menentang musuh jiwa yang terbesar iaitu hawa nafsu dengan melakukan ibadah puasa Ramadan selama sebulan, di samping melahirkan perasaan cinta dan syukur terhadap kehadiran bulan Syawal

serta sebagai salah satu usaha untuk membantu rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.
Program anjuran Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA itu disertai oleh seramai 120 peserta yang terdiri daripada para pensyarah, pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa-mahasiswi UNISSA, para belia serta orang ramai yang berminat.
Ceramah Khas tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sharifah

Hayaati binti Syed Ismail al-Qudsy.
Antara inti pati Ceramah Khas adalah untuk mensyukuri nikmat bulan, hari dan detik masa yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta mensyukuri nikmat paling besar di dalam bulan Ramadan di mana kita dianugerahkan keampunan dan keberkatan di dalamnya.
Seterusnya meraikan kemenangan di bulan Syawal dengan penuh kesyukuran dan juga kegembiraan setelah sebulan kita menahan lapar dan dahaga serta memupuk sabar dalam diri kita.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis adalah Pemangku Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad.
Turut hadir, jempunan khas yang terdiri daripada pegawai-pegawai utama UNISSA.
Ceramah khas diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan penyerahan sumbangan derma kepada Tabung Ta'awun UNISSA dan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Muhammed Sahrin bin Haji Masri.



PEMANGKU Rektor UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas : Meraikan Kemenangan Syawal bertempat di Auditorium universiti berkenaan (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kiri, Ceramah Khas disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail al-Qudsy.

